

LAPORAN HARIAN
KEJADIAN WABAK PENYAKIT RABIES (ANJING GILA)
(27 SEPTEMBER 2015)

1. PENGENALAN


Rabies (penyakit anjing gila) adalah sejenis penyakit zoonotik bawaan virus Lyssa dari famili Rhabdoviridae. Virus ini boleh menjangkiti mamalia termasuk manusia melalui air liur gigitan haiwan yang terjangkit. Tempoh inkubasi penyakit rabies didalam haiwan adalah boleh berlaku antara 10 hari sehingga 6 bulan.

Tanda-tanda klinikal haiwan yang terjangkit adalah perubahan kelakuan samada agresif (menyerang objek yang bergerak seperti manusia dan haiwan lain) atau monyok/dungu, lumpuh (paralysis) dan berakhir dengan kematian.

Kes terakhir penyakit rabies di Malaysia adalah pada tahun 1999 dan Malaysia telah mendapat status bebas penyakit rabies daripada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) pada Julai 2013. Walaubagaimana pun telah berlaku satu laporan kes gigitan anjing yang positif rabies telah dikesan di kawasan Kaki Bukit Perlis pada 27hb Julai 2015. Seterusnya beberapa lagi kes gigitan anjing telah dilaporkan di negeri Perlis

Pada 8hb September 2015, DVS negeri Pulau Pinang telah melaporkan kejadian gigitan anjing pada tiga ekor rusa didaerah Seberang Perai Utara (SPU) dan sampel dari anjing tersebut juga didapati positif rabies. Lanjutan dari itu, dilaporkan pula satu kes gigitan anjing pada kanak-kanak di Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau pada 13hb September 2015 dan keputusan makmal adalah positif rabies

Pada 9hb September 2015, DVS Kedah pula melaporkan kes gigitan pertama pada manusia di daerah Kubang Pasu. Kes tersebut juga didapati positif rabies.




2. KUMULATIF SURVELAN WABAK PENYAKIT RABIES TAHUN 2015

BIL	PERKARA	NEGERI PERLIS	NEGERI KEDAH	NEGERI PULAU PINANG	JUMLAH
1	Bil anjing yang divaksinkan	499	1,660	411	2570
2	Bil anjing yang dilesenkan	499	1,660	0	2159
3	Bil anjing yang menunjukkan tanda-tanda klinikal	24	0	1	25
4	Bil pemilik anjing	303	0	1	304
5	Bil anjing yang telah dimusnahkan	297	1,624	675	2596
6	Bil sampel diambil	65	64	64	193
7	Bil sampel positif (+)	20	18	4	42
8	Bil kempen kesedaran yang telah dijalankan	13,183	1439	199	14821
9	Bil kes gigitan	34	21	78	133
10	Bil premis yang dibanci dan disurveilanskan	885	235	0	1120

3. Langkah-langkah kawalan yang diambil oleh pihak DVS adalah :

- I. Memberi kesedaran awam seperti menggalakkan pemilik haiwan mengurung haiwan mereka didalam kawasan rumah.
- II. Meningkatkan immuniti haiwan peliharaan terutama anjing
- III. Mengawal populasi anjing-anjing liar
- IV. Menjalankan pemantauan diseluruh negeri terutama bagi kes-kes gigitan



4. Segala kemusykilan boleh disalurkan kepada Bilik Gerakan Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar di talian 03-88702041 atau mana-mana DVS Negeri berdekatan (senarai talian di DVS Negeri).

Bil	DVS Negeri (Nama Pengarah)	No. telefon
1	DVS Negeri Perlis	04-9792600
2	DVS Negeri Kedah	04-7305826
3	DVS Negeri Pulau Pinang	04-5041047
4	DVS Negeri Perak	05-5461486
5	DVS Negeri Selangor	03-55103900
6	DVS Negeri Sembilan	06-7629163
7	DVS Negeri Melaka	06-2325103
8	DVS Negeri Johor	07-2667501
9	DVS Negeri Pahang	09-5171090
10	DVS Negeri Terengganu	09-6221822
11	DVS Negeri Kelantan	09-7652545
12	DVS W.Persekutuan KL	03-92849716
13	DVS W.Persekutuan Labuan	087-412246
14	DVS Negeri Sabah	088-287400
15	DVS Negeri Sarawak	082-628255

Disediakan oleh:
Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS,
Jabatan Perkhidmatan Veterinar,
Putrajaya. www.dvs.gov.my